

**Azizan Terus Kekal Sebagai Menteri Besar Kedah
Bernama
5 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Pas Pusat memutuskan Datuk Seri Azizan Abdul Razak terus kekal sebagai Menteri Besar Kedah walaupun masih buntu dengan kemelut pentadbiran negeri yang membabitkan dua exconya.

Setiausaha Agung Pas Datuk Mustafa Ali berkata beliau optimis kedua-dua exco itu, Datuk Phahrolrazi Zawawi dan Datuk Dr Ismail Salleh, akan menerima semula jawatan berkenaan dan yakin isu kepimpinan Pas Kedah akan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

"Kita tidak mahu membuat sebarang andaian (sekiranya Phahrolrazi dan Dr Ismail enggan kembali menjadi exco) kerana kita sudah optimis (kedua-duanya menerima keputusan itu)," katanya pada sidang media khas di ibu pejabat Pas di sini, Isnin

Turut hadir dua Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar dan Salahuddin Ayub.

Katanya Jawatankuasa Pas Pusat hanya memaklumkan mengenai keputusan tersebut kepada kedua-dua exco berkenaan secara lisan tetapi masih belum menerima jawapan secara rasmi daripada kedua-duanya.

Mesyuarat khas Jawatankuasa PAS Pusat yang diadakan di Alor Setar, Sabtu lepas, dipengerusikan oleh Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Jawatankuasa itu juga tidak menetapkan sebarang tempoh kepada mereka untuk memberi jawapan balas berhubung keputusan itu.

Ketika ditanya bila mereka akan mengangkat sumpah sebagai exco memandangkan pelantikan jawatan itu akan tamat pada 7 Mac ini, Mustafa berkata: "Itu kita akan serahkan kepada pentadbiran Kedah."

Dalam pada itu, Mustafa berkata Pas pusat akan menubuhkan jawatankuasa Pemandu yang akan bertanggungjawab memantau dan memberi pandangan kepada negeri-negeri diterajui Pas dan juga negeri yang sebahagian pentadbirannya terdiri daripada Pas.

"Jawatankuasa ini kita pernah adakan dulu (selepas pilihan raya 2008), tetapi tidak aktif," katanya.

Krisis kepimpinan di Kedah berlanjutan selepas dua exconya termasuk Phahrolrazi dan Ismail menolak pelantikan semula jawatan, tetapi meletakkan syarat sekiranya mahu mereka menerima semula tawaran itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650103>

